

14 JUL 2003

SAMY-PEMBINAAN

SEKTOR PEMBINAAN DIJANGKA BERKEMBANG PADA KADAR LEBIH TINGGI

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Sektor pembinaan negara dijangka berkembang pada kadar yang lebih tinggi daripada jangkaan berikutan pelancaran pakej rangsangan ekonomi baru-baru ini, kata Menteri Kerjaraya Datuk Seri S. Samy Vellu.

Beliau berkata, pada 2003, sektor pembinaan pada awalnya dijangka berkembang pada kadar 1.9 peratus dengan menyumbang sebanyak RM7.5 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Namun, beliau tidak memberikan jumlah kenaikan dari segi pertumbuhan kepada sektor ini.

Beliau bercakap kepada pemberita di majlis anugerah perkhidmatan cemerlang kakitangan dan pegawai Kementerian Kerjaraya.

Beliau berkata, pada tahun 2002, pertumbuhan sektor pembinaan adalah 2.3 peratus dengan menyumbang sebanyak RM7.3 bilion kepada KDNK.

"Tahun ini, walaupun menghadapi masalah, dengan pakej rangsangan yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beberapa projek akan dilaksanakan lagi," katanya.

Samy Vellu juga berkata, kementeriannya telah memohon untuk melaksanakan sejumlah projek daripada 600 projek yang telah ditangguhkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) berikutan keadaan ekonomi dunia.

"Bagaimanapun, kita belum dapat apa-apa kelulusan," katanya.

Beliau berkata, memandangkan sektor pembinaan mempunyai hubungan meningkatkan pertumbuhan ekonomi keseluruhan, kerajaan akan terus melaksanakan projek pembangunan negara dengan keutamaan kepada projek infrastruktur dan projek berkaitan pembinaan termasuk rumah kos rendah dan sederhana.

Dengan pelaksanaan pakej rangsangan itu, Kementerian Kerjaraya memainkan peranan lebih penting dalam merealisasikan matlamat kerajaan menjana pertumbuhan ekonomi negara. -- BERNAMA

RV AHM